

Summer

Universiti Malaysia Terengganu www.umt.edu.my
MAG 2014 ■ BIL: 52




UMT
Naib Johan
Festival Teater

Hasrul
Tauke Benih
Udang Galah

Selami Hati
Anak-anak
Yatim

ISSN 2229 - 8363



9 771985 851000

PENAUNG

Naib Canselor UMT
YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Komoo

PENASIHAT

Pengarah Penerbit UMT
Prof. Madya Dr. Noraien Mansor

KETUA PENGARANG

Rabil Sitta Abdul Rahman

KETUA MEDIA

Mohamad Nur Azshary Mohd Salleh

PEREKA

Adli Hashim

PEMBACA PRUF

Krew Penerbit UMT

JURUFOTO

Krew Media dan Komunikasi,
PKKPC, UMT

WARTAWAN

Raja Mohd Bazley Raja Akbar
Roshila Murni Rosli
Nazreen Azrina Mat Azhar
Mohammad Faiz Fadzli
Hardisaiqal Husain
Irene Lew
Ponmalar Ravichandran
Paveetra Thegarathah
Nurhafidzah Abdul Wahab
Siti Rodiah Ahmad Zamri
Nur Zafirah Zapri
Kaartiyani a/p Poolalendran

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Salam 1Malaysia buat semua warga pelajar Universiti Malaysia Terengganu dan juga pembaca majalah *Samudera*. Aura sambutan tahun baharu masih terasa bahangnya, dimulakan dengan sambutan Awal Muharam, Tahun Baharu Masihi 2014 dan rakan-rakan berbangsa Cina baru sahaja menyambut Tahun Baru Cina.

Begitu banyak sambutan dan perayaan di negara kita. Semua bangsa di negara kita saling memeriahkan sambutan perayaan bangsa yang lain. Bagi mereka yang mempunyai kampung halaman, cuti perayaan ini dijadikan peluang terbaik untuk pulang ke kampung halaman bertemu ibu bapa atau menghadiri jemputan kenduri saudara mara. Orang Terengganu panggil kenduri "makan gula".

Kampung Cik Bie yang lengkap didiami oleh kaum Melayu, Cina dan India memang meriah setiap kali musim perayaan. Jika waktu biasa, masjid hanya diisi oleh golongan warga emas, musim perayaan inilah perantau-perantau kembali ke kampung halaman dan memenuhi rumah Allah. Jika kebiasaan golongan Ah So dan Aci selalu termenung kesunyian, kini rumah mereka dimeriahkan dengan kepulangan anak-anak dan cucu. Musim cuti ini, adik-adik pelajar *degree* UMT yang baru sahaja selesai peperiksaan akhir sudah kembali ke kampung halaman atau pun sedang giat mencari tempat tinggal untuk memulakan Latihan Industri. Bagi yang tidak terlibat


dengan Latihan Industri, musim cuti semester adalah masa terbaik untuk bersama kaum keluarga. Luangkan masa emas anda bersama mereka. Ini kerana, jika telah melangkah ke alam pekerjaan, peluang sebegini tidak akan ada lagi.

Bulan Mac ini, kampus UMT yang beberapa minggu sepi ditinggalkan oleh pelajar yang bercuti kini akan kembali meriah. Warga pelajar akan meneruskan rutin pengajian-bilik kuliah, makmal, menyiapkan tugas mahupun menghadiri aktiviti kokurikulum. Selamat kembali ke alam kampus. Manfaatkan masa yang ada untuk menggapai cita-cita di kemudian hari. Bagi Saudara Hasrul, tetamu ruangan *Jejak Alumni*, beliau lebih suka bekerja sendiri setelah lulus pengajian Diploma Perikanan di UMT. Cik Bie kagum dengan semangat Hasrul yang cekal mengusahakan ternakan benih udang galah sendirian. Sikap berdikari dan kegigihan Hasrul bukan bermula sekarang tetapi telah mula sejak beliau bergelar pelajar di UMT lagi. Semoga semangat seperti Hasrul akan wujud dalam diri kita semua. Semoga UMT akan melahirkan lebih ramai usahawan muda seperti Hasrul pada masa akan datang.

Salam 1Malaysia,

Sekian, wassalam.

Cik Bie.



Majlis Apresiasi Media 2014 Rai Pengamal Media Terengganu

oleh : Lailatul-Akmal Abd Rahman
Pusat Komunikasi Korporat dan
Pembangunan Citra

Julung-julung kalinya tahun ini, Pusat Komunikasi Korporat dan Pembangunan Citra, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah membuka tahun 2014 dengan menganjurkan Majlis Apresiasi Media bertempat di Dewan Konvensyen, Taman Tamadun Islam baru-baru ini.

Majlis telah dirasmikan oleh Naib Canselor UMT, YBhg. Profesor Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Komoo, dan turut disertai oleh Presiden Kelab Wartawan Terengganu (KAWAT). Encik Ayob bin Mamat.

Bertemakan suasana Arab dengan warna pilihan oren, seramai lebih kurang 150 orang pengamal media seluruh Terengganu daripada pelbagai agensi telah berkumpul bersama-sama untuk memeriahkan lagi majlis malam tersebut.

Pada ucapan alu-aluan daripada Presiden KAWAT, En. Ayob Mamat berkata bahawa, usaha murni UMT dalam mendekati lagi hubungan dengan media adalah sangat dihargai. Malah UMT merupakan salah sebuah Institusi Pengajian Tinggi di Pantai Timur ini yang sentiasa memberi sokongan padu kepada segala liputan media yang diperlukan.

"Terima kasih kepada media yang sentiasa memberi sokongan kepada UMT. Tahun ini saya ingin menyeru media untuk lebih membuat liputan berkenaan citra universiti itu sendiri. Seperti UMT sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam di Pantai Timur, liputan dari segi akademik atau yang lebih kepada penyelidikan sangat kurang diangkat menjadi berita. Majlis sebegini menjadi satu saluran penting bagi kami di sini untuk sekali lagi menguar-uarkan kepada media yang berminat untuk memberi sedikit ruang dalam media massa anda untuk memberi perhatian khusus tentang pembangunan akademik serta penyelidikan yang telah dijalankan," ujar Naib Canselor UMT, Profesor Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Komoo ketika merasmikan majlis tersebut.

Jelas beliau lagi, kerjasama strategik ini diharapkan dapat diteruskan saban tahun supaya masyarakat umum lebih mengenali keunikan dan keistimewaan UMT sebagai sebuah universiti dikenali di Pantai Timur tetapi di seluruh pelusuk dunia.

Majlis malam tersebut telah diserikan lagi dengan beberapa persembahan nyanyian dan tarian jempunan. Wakil



Liew I Ling dari Sin Chiew Jit Poh menerima Anugerah Gerbang Pena Penulisan Bahasa Lain Kategori Pendidikan daripada Naib Canselor UMT.

media daripada TV3, RTM dan The Star Terengganu juga telah berbesar hati untuk menyumbangkan beberapa lagu bagi menyerikan lagi majlis malam itu.

Sebelum ini, majlis tersebut lebih dikenali sebagai Majlis Mesra Media walau bagaimanapun telah dinamakan semula menjadi Majlis Apresiasi Media dan disertakan dengan Anugerah Gerbang Pena 2013. Anugerah ini menonjolkan beberapa kategori yang berkait rapat dengan liputan media yang telah dilakukan sepanjang tahun 2013. Tahun ini juga, buat pertama kali penyertaan anugerah adalah menggunakan format terbaharu telah mendapat sambutan yang baik daripada pengamal media dan lebih membanggakan, tidak kurang dari 60

penyertaan diterima dalam pelbagai kategori yang diadakan.

Bagi Anugerah Gerbang Pena Penulisan Bahasa Melayu Terbaik Kategori Pendidikan, dimenangi oleh Mohd Safuan Amir Mohd Saidi dari *Berita Harian*, Kategori Penyelidikan dimenangi oleh Laupa Junus dari *Utusan Kuala Lumpur*, Kategori Am dimenangi oleh Norkhalilah Gusti Hasan dari *Sinar Harian Kuala Lumpur*. Manakala Anugerah Gerbang Pena Penulisan Bahasa-bahasa lain terbaik kategori pendidikan dimenangi oleh Liew I Ling dari *Sin Chiew Jit Pot*, bagi Kategori Penyelidikan dan Kategori Am, kedua-dua anugerah ini dimenangi oleh *The News Straits Times* melalui penulisan Satiman Jamin dan Zarina Abdullah.

Bagi Anugerah Gerbang Pena Gambar Terbaik Kategori Penyelidikan dan Kategori Am sekali lagi jurugambar dari *Berita Harian* telah menjuarai kategori ini melalui gambar dari Tengku Mohd Syamim Tengku Ismail dan Rozainah Zakaria manakala Kategori Penyelidikan telah dimenangi oleh Harish Fadzillah Abu Kasim dari Unit Komunikasi Negeri Terengganu.

Anugerah Gerbang Pena Berita TV Terbaik Kategori Pendidikan pula dimenangi oleh Abd Rahim Daud dan Rozita Abdul Wahab juga dari Unit Komunikasi Negeri Terengganu dan Radio Televisyen Malaysia Terengganu telah berjaya menggondol dua anugerah dalam Kategori Penyelidikan dan Kategori Am yang masing-masing dimenangi oleh Noorazila Md Sani, Mohd Jefri Mamat, Muhamad Taufik Adanan dan Yusof Sobri Awang.



Sebahagian daripada pengamal media bergambar bersama Naib Canselor UMT ketika Majlis Apresiasi Media 2014.

"Itu Dosa Aku" dan Kg. Semarah Padi Naib Johan Festival Teater

oleh : Suriaty Khalid
Pusat Kebudayaan dan Kesenian

Festival Teater Negeri Terengganu 2013 merupakan program yang diadakan secara dwi-tahun melibatkan penglibatan IPT dan badan-badan NGO dalam seni persembahan teater untuk mencipta idea-idea baharu di samping mencungkil bakat-bakat baharu dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi di peringkat kebangsaan. Program ini juga berhasrat memantapkan lagi kumpulan-kumpulan kesenian di peringkat negeri di mana ia juga melibatkan badan-badan NGO dan juga IPT yang terdapat di negeri Terengganu selaras dengan perkembangan pesat dalam bidang kesenian.

Festival teater ini telah diadakan pada 17 hingga 23 November 2013 bertempat di Auditorium Jabatan Kebudayaan Kesenian Negara (JKKN), Negeri Terengganu yang telah dianjurkan oleh JKKN Negeri Terengganu dengan kerjasama Kerajaan Negeri Terengganu dan Majlis Teater Negeri Terengganu. Kategori yang telah dipertandingkan adalah Kategori Monodrama dan Kategori Teater Moden.

UMT melalui Kelab Teater Layar Opera telah mementaskan teater bagi kategori teater moden iaitu "Teater Muzikal Kg. Semarah Padi" dan bagi kategori monodrama "Itu Dosa Aku" melalui En. Sarifudin Marzuki, Artis Budaya di Pusat Kebudayaan dan Kesenian UMT.

Sebanyak 12 kumpulan telah mempertaruhkan naskhah teater untuk festival ini. Kejayaan berganda telah dikecapi oleh UMT dengan membawa pulang gelaran Naib Johan Keseluruhan bagi kategori teater moden dan kategori monodrama. Anugerah pelakon Wanita Harapan telah menjadi milik UMT melalui watak Mak Bunga yang dipegang oleh pelajar tahun pertama iaitu Nur Ezzati Baharudin (Sarjana Muda Sains Teknologi Lepas Tuai, FASM).

Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh YB Mohd Zubir Embong, Speaker Undangan Negeri Terengganu dan turut hadir Pengarah JKKN Negeri Terengganu dan Yang Dipertua Majlis Teater Negeri Terengganu.



Pemenang bersama hadiah kemenangan masing-masing.



En. Sarifudin Marzuki, Artis Budaya di Pusat Kebudayaan dan Kesenian UMT mempersembahkan teater berjudul "Itu Dosa Aku".



Persembahan teater muzikal Kg. Semarah Padi.

Majlis Pelancaran Bengkel Akhbar dalam Darjah 2014

oleh : Rabil Sitta Abdul Rahman
Penerbit UMT

Sumber maklumat: <https://www.facebook.com/pages/Universiti-Malaysia-Terengganu-Official>

Majlis Pelancaran Bengkel Akhbar Dalam Darjah 2014 telah diadakan pada 18 Januari 2014 bertempat di Dewan Sultan Mizan, UMT. Pelancaran telah dilakukan oleh Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri (DUN) Terengganu, YB Tn. Hj. Mohd Zubir bin Embong. Seramai 239 guru dari sekolah rendah dan menengah daerah Kuala Terengganu, Marang dan Hulu Terengganu menyertai bengkel itu.

Bengkel berkenaan diadakan secara percuma bagi membantu guru terlibat mendapatkan pengetahuan tambahan dan teknik terkini aspek Pengajaran dan Pembelajaran (P&P), selain pendedahan kepada mereka cara memanfaatkan akhbar ketika pengajaran dalam bilik darjah. Penganjuran bengkel ini secara tidak langsung dapat memupuk kreativiti guru - guru sekolah dalam aktiviti



Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri (DUN) Terengganu, YB Tn. Hj. Mohd Zubir bin Embong melawat ke ruang pameran.

pengajaran melalui tambahan maklumat yang terkandung dalam surat khabar. Program anjuran Unit pendidikan

Berita Harian ini mendapat kerjasama Universiti Malaysia Terengganu bagi kawasan wilayah Timur.

UMT Sertai Perarakan Maulidur Rasul Peringkat Negeri 1435H/2014M

oleh : Rabil Sitta Abdul Rahman
Penerbit UMT

Sumber maklumat: <https://www.facebook.com/pages/Universiti-Malaysia-Terengganu-Official>

Majlis Sambutan Maulidur Rasul 1435 H/ 2014 M Peringkat Negeri Terengganu telah disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, pada 14 Januari 2014 bertempat di Taman Shah Bandar, Kuala Terengganu. Turut berangkat ialah Duli Yang Maha Mulia Sultanah Terengganu, Sultanah Nur Zahrah dan puteri-puteri baginda, YM Tengku Nadhirah Zaharah dan YM Tengku Fatimatuz Zahra'.

Turut hadir ialah Menteri Besar Terengganu, YAB Dato' Seri Ahmad bin Said dan isteri, Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri Terengganu, YB Tn. Hj. Mohd Zubir bin Embong, Setiausaha Kerajaan Negeri, Ahli Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri dan Ketua-ketua Jabatan.

Kontinjen Universiti Malaysia Terengganu turut tidak ketinggalan menyertai 310 kontinjen berarak sejauh 2.5 km bermula dari Dataran Shah Bandar ke Stadium Negeri. Majlis sambutan disertai seramai 11,000 orang.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah berkenan berangkat hadir menyempurnakan Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Terengganu.



Kontinjen UMT melintasi bulatan Ladang



YAB Menteri Besar Terengganu, Setiausaha Kerajaan Negeri, Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri Terengganu turut sama berarak memeriahkan sambutan.

Graduan UMT

Kini Tauke Benih Udang Galah

oleh : Rabil Sitta Abdul Rahman
Penerbit UMT

Sejak belajar di kampus Universiti Malaysia Terengganu (UMT) Muhamad Hasrul Abd Talib atau lebih mesra dipanggil Hasrul telah mula berdikari. Graduan Diploma Perikanan UMT, Tahun 2009-2012 ini berasal dari Setiawan, Perak. Semasa di kampus, Hasrul telah membuka bengkel basikal sebagai sumber menambah wang poket. Jika rakan lain, selepas ke kuliah, jam 5.00 hingga 7.00 petang boleh bersantai-santai tetapi Hasrul memilih untuk membaiki basikal-basikal pelanggannya. Ketika itu, sambutan yang diterima amat menggalakan. Hasrul terpaksa membahagikan masa antara kuliah, aktiviti persatuan dan kokurikulum serta kerja-kerja di bengkel basikal.

Budaya hidup berdikari ini diwarisi melalui ahli keluarganya. Bapanya, Abd Talib Din mengusahakan ladang kelapa sawit dan ibunya Nor Fazilah Daud, hanya suri rumah sepenuh masa. Kata Hasrul, bapanya sentiasa memberikan galakan kepada beliau untuk bekerja sendiri. Malahan, bapanya jugalah yang mendahulukan sedikit wang modal untuk beliau membuka perusahaan benih udang galah yang diusahakannya kini.

Minat timbul di UMT

Minat Hasrul untuk menternak benih udang galah ini timbul sejak beliau berada dalam semester ke-3 di UMT. Ketika itu, beliau menjalani aktiviti praktikal di hatcheri Institut Akuakultur Tropika (AKUATROP) UMT. Ketika itu, kawan baik Hasrul yang bernama Mohd Harith Hatta telah memberikan galakan kepadanya untuk berjinak-jinak dengan perusahaan ini. Tambahan pula, ayah Harith bekerja di Jabatan Perikanan. Setelah mengenal pasti hala tuju yang ingin dilakukan (menceburi perusahaan menjual benih

udang galah), Hasrul cuba mendalami sebanyak mungkin ilmu pengetahuan mengenai pembenihan udang galah ini di UMT. "Saya juga mendalami masalah-masalah yang bakal dihadapi. Saya juga banyak mendapatkan pengetahuan berkaitan perusahaan benih udang galah ini ketika menjalani Latihan Praktikal di Kg. Aceh, Perak. Sebaik, tamat menjalani latihan praktikal, saya terus mencari tapak hatcheri ini." jelas Hasrul.

Rakan baiknya, Harith telah membuka perusahaan menjual benih udang galah di Johor dan Hasrul pula telah mendapat tapak hatcheri di negeri kelahirannya Perak. Hasrul telah membuka Pusat Tetas Udang Galah yang dinamakan Manjadda Aquatech di Jalan Segari Batu 3, Pantai Remis, Perak. Kini dialah Pengarah dan dia jugalah pekerja. Hasrul memasarkan benih udang galahnya melalui jualan terus kepada pelanggan. Hasrul turut menggunakan medium media sosial untuk mempromosi benih udang galah yang dihasilkannya di laman blog (<http://mrbenih.blogspot.com/?zx=b571efb6f46c68fb>) dan juga



Hasrul ketika menjadi Presiden REVOF 2011/2012 bersama teman seperjuangan.

Latar Belakang
Nama: Muhamad Hasrul bin Abd Talib
Umur: 23 tahun
Graduan: Diploma Perikanan UMT, Tahun 2009-2012
Asal: Setiawan Perak
Pekerjaan: Pengusaha Benih Udang Galah
Syarikat: Manjadda Aquatech
No. Pendaftaran: IP0372328-U
Status : Bujang
Blog: (<http://mrbenih.blogspot.com>)

Jejak Alumni

laman *Facebook* Benih Udang Galah. Para pelanggannya datang dari sekitar Perak, Selangor dan juga Negeri Sembilan. Setelah dua tahun memulakan ternakan benih udang galah ini, usaha Hasrul semakin mendapat tempat di kalangan pengusaha ternakan udang galah. Hasrul berusaha menghasilkan dan membekalkan benih udang galah yang berkualiti dari masa ke semasa.

Pendapatan lumayan

Apabila ditanya mengenai pendapatan hasil menjual benih udang galah ini, Hasrul menjelaskan, "Secara purata setiap musim pengeluaran benih udang galah, saya mampu meraih pendapatan sebanyak RM12,000.00. Setiap satu musim pengeluaran benih mengambil masa 1 ½ hingga 2 bulan.

Jadi purata pendapatan, bulanan saya mencecah RM5,000 ke RM6,000.00 sebulan.

Hasrul kini tekad meneruskan usahanya, setiap hari beliau akan mula bekerja di hatchernya seawal jam 8.00 pagi. Beliau akan berehat seketika pada jam 10.00 pagi untuk minum pagi dan meneruskan kerja hingga ke tengah hari. Beliau menguruskan sendiri semua pekerjaan di hatcheri serta tempahan pelanggan tanpa menggunakan pembantu.

Jelas Hasrul lagi, beliau perlu bijak menguruskan perancangan kewangannya. Pendapatan beliau mengikut pusingan musim. Setiap kali mendapat pendapatan, beliau akan membuat pengagihan untuk simpanan dan juga pelaburan. Itulah dugaan paling hebat dalam dirinya, "berperang" dengan diri sendiri supaya

tidak boros berbelanja. Beliau yang masih bujang, akan memastikan peruntukan untuk simpanan dan juga pelaburan wajib diadakan setiap kali habis musim penjualan benih udang. Pendapatannya juga bergantung kepada cuaca, kadangkala jika musim hujan, benih-benih udang tidak menjadi. Sebab itulah, beliau perlu bijak menguruskan sumber kewangannya.

Hasrul tidak berhasrat untuk menyambung pengajian di peringkat yang lebih tinggi. Beliau lebih suka bekerja sendiri. Beliau berhasrat memperkembangkan lagi usahanya dengan menyewa tapak hatcheri yang lebih besar untuk menampung permintaan benih udang galah yang semakin meningkat.

**"Hidup ini singkat, sejauh mana kita boleh bahagikan masa untuk diri sendiri dan juga akhirat, sejauh mana kita berpegang kepada agama, sejauh itu kejayaan akan mengekori kita."
-Hasrul**



Hasrul (kiri sekali) bergambar bersama rakan-rakannya di Majlis Konvokesyen mereka.

Pernah jadi Presiden

Menyentuh mengenai kehidupannya semasa bergelar mahasiswa di UMT, Hasrul juga aktif dalam persatuan. Beliau pernah dilantik sebagai Presiden Persatuan Pelajar Diploma (REVOF) bagi tahun 2011/2012. Hasrul juga berperanan sebagai CEO Syarikat UGM Enterprise, salah satu projek amali kelolaan pelajar untuk pembenihan udang galah di UMT. Beliau juga pernah dilantik sebagai CEO Syarikat KAIZEN Enterprise, salah satu projek amali kelolaan pelajar untuk pembenihan ikan keli di UMT.

Demi menambah ilmu dalam bidang ternakan benih udang galah ini, Hasrul juga telah menimba ilmu dengan mengikuti Kursus Ternakan Udang Galah Dalam Kolam Siri 01/2012 anjuran Jabatan Perikanan. Hasrul juga turut mengikuti Kursus Asas Keusahawanan Siswa Bil. 1/2011 anjuran bersama Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.



Hasrul berhasrat mencari tapak yang lebih besar untuk menampung permintaan benih udang galah yang semakin meningkat.

Hasrul lebih suka bekerja sendiri daripada kerja makan gaji.

Elak 10 Kesilapan Utama dalam Perniagaan Kecil

Anda tidak berminat kerja makan gaji? Selepas bergraduasi anda merancang untuk memulakan perniagaan sendiri? Berikut adalah senarai kesilapan umum usahawan atau perniagaan kecil yang perlu anda ketahui dan hindari. Bagi anda yang tidak suka hidup dikawal atau menerima arahan orang lain, melakukan pekerjaan atau perniagaan sendiri adalah pilihan yang terbaik buat masa depan anda. Tokoh korporat terkemuka Negara, Tan Sri Syed Mohhtar Al Bukhari adalah contoh individu yang berjaya menjadi jutawan melalui perniagaan yang diusahakan sendiri. Kesilapan-kesilapan berikut merupakan kesilapan umum yang dilakukan oleh kebanyakan usahawan dan pemilik perniagaan kecil. Berhati-hatilah dengan kesilapan yang amat merbahaya ini.

1. Terlalu yakin dengan sesuatu idea dan taksub dengannya.

Jangan terlalu yakin dengan satu idea sahaja. Ingat, idea adalah mata wang kepada usahawan. Pelbagaikan idea dan lihat yang mana berupaya memberi ganjaran dan kejayaan kepada anda. Buat sambil belajar

2. Tiada Pelan Pemasaran.

Pelan Pemasaran boleh memberikan perhatian yang anda perlukan kepada pihak sasaran. Ia menjadi daya tarik pelanggan terhadap anda! Terdapat lebih dari 25 cara untuk memasarkan perniagaan anda dengan kos yang rendah ataupun tanpa melibatkan sebarang kos. Pelaksanaan pelan pemasaran secara berkesan, cekap, konsisten dan penuh bergaya dapat menjimatkan kos panggilan.

3. Tidak mengenali pelanggan anda

Perubahan pada cita rasa pelanggan dan juga produk serta perkhidmatan pesaing akan mempengaruhi perniagaan anda, kecuali jika anda kenal pelanggan secara dekat, tahu kehendak mereka pada masa kini dan masa hadapan, tahu corak pembelian mereka dan tahu bagaimana untuk membantu mereka walaupun anda tidak mempunyai produk ataupun perkhidmatan tersebut.

4. Tidak peka dengan kedudukan aliran tunai syarikat

Walaupun anda mempunyai produk yang paling terbaik, pelanggan mungkin tidak akan membelinya dalam tempoh waktu yang anda fikirkan. Oleh itu kedudukan aliran tunai yang mantap penting untuk menampung diri dan syarikat anda dalam tempoh tersebut.

5. Tidak peduli tentang kakitangan

Salah satu cabaran yang paling sukar bagi seorang usahawan atau pemilik perniagaan ialah untuk memberi motivasi, bimbingan dan mengurus pekerja. Tanpa kesabaran, kesungguhan dan kemahiran, masalah tersebut akan menjadi lebih teruk. Moral dan produktiviti pekerja serta keuntungan syarikat boleh musnah dengan segera!

6. Keliru tentang kemungkinan dengan realiti

Usahawan yang berjaya hidup di dalam dunia yang penuh dengan kemungkinan tetapi mereka berbelanja dalam dunia realiti.

7. Tiada pelan penjualan

Tanpa pelan penjualan, maka tidak ada cara untuk mengukur perkembangan kewangan dan kemajuan perniagaan anda. Anda memerlukan plan yang realistik untuk melihat dari mana, bagaimana, bila dan siapa yang membawa masuk jualan.

8. Penyendiri

Anda mungkin tahu kesemunya tetapi anda tidak boleh melakukannya seorang diri dan berkembang pada masa yang sama. Anda perlukan kakitangan untuk mengagihkan tanggungjawab kepada mereka.

9. Tiada 'Mastermind'

Anda perlukan satu lembaga penasihat ataupun seorang mentor! Bagi mereka yang mempunyai perniagaan yang kecil, ini mungkin ini tidak masuk akal. Lembaga penasihat ini mungkin terdiri dari anggota keluarga atau sahabat yang anda percayai. Jadikan mereka Ahli Lembaga Pengarah, kaji pelan dan keputusan perniagaan bersama mereka. Adalah sangat kritikal untuk mempunyai seseorang yang boleh memberikan idea dan pandangan yang objektif.

10. Berputus Asa

Kebanyakan usahawan yang berjaya pernah mengalami kegagalan. Oleh itu, sekiranya anda gagal, biarkan kegagalan itu. Bangun dan belajar dari kesilapan dan kegagalan lalu. Jangan berputus asa dan menderita.

Petua

Bagaimana Menjadi Jutawan daripada al-Quran

Jika ditanya kepada semua orang, adakah mereka mahu kaya, pasti ramai yang akan menjawab bahawa mereka mahu kaya. Namun tahukah anda dalam al-Quran sebenarnya mempunyai petua untuk anda amalkan jika anda mahu kaya.

Mahmud Ibn Labid RA pernah berkata, bahawa beliau mendengar Rasulullah SAW bersabda, *"Dua perkara yang tidak disenangi oleh anak Adam. Mati, padahal mati itu adalah lebih baik dari dugaan (kesesatan). Harta yang sedikit, padahal harta yang sedikit meringankan hisab."*

Namun sekiranya anda ingin juga menjadi seorang jutawan, Allah SWT telah berfirman di dalam surah An-Nuur ayat 37 hingga 38; *"(Ibadat itu dikerjakan oleh orang-orang yang kuat imannya yang tidak dilalaikan oleh perniagaan atau berjual-beli daripada menyebut serta mengingati Allah, dan mendirikan solat serta memberi zakat; mereka takutkan hari (kiamat) yang padanya berbalik-balik hati dan pandangan."*

Mereka mengerjakan semuanya itu supaya Allah SWT membalas mereka dengan sebaik-baik balasan bagi apa yang mereka kerjakan, dan menambahi mereka lagi dari limpah kurnia-Nya; dan sememangnya Allah SWT memberi rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dengan tidak terhitung."

Bermaksud, dengan mengingati Allah SWT, mendirikan solat, memberi zakat dan sedekah, takutkan hari kiamat kerana akan diadili, seseorang itu akan

mendapat limpah kurnia Allah SWT dan pembalasan yang paling baik. Allah SWT, sesungguhnya satu-satunya sumber segala rezeki dan Dia akan menambahkan kurnia-Nya kepada hamba yang mempunyai ciri-ciri seperti di atas.

Kajilah al-Quran dengan sebenarnya-benarnya, kerana petua untuk menjadi jutawan banyak terdapat di dalam al-Quran. Terjemahan al-Quran bermodalkan RM20.00 di pasaran. Menurut Abu Said RA, Allah SWT berfirman di dalam sebuah hadis qudsi; *"Sesiapa yang disibukkan oleh al-Quran daripada berzikir dan meminta kepadaKu, maka Aku akan memberikan kepadanya sesuatu yang lebih utama daripada diberikan kepada orang yang meminta kepadaKu."*

Sekiranya anda bukan berniat untuk menjadi jutawan, tetapi sekadar ingin hidup sederhana, beribadat kepada Allah. Serta dalam masa yang sama tidak mahu mempunyai bebanan hutang dan dikurniakan kecukupan dalam semua perkara, amalkan membaca Surah Al-Waqiah setiap malam. Menurut Ibnu Mas'ud, Rasulullah SAW telah bersabda; *"Sesiapa yang membaca surah Al-Waqiah pada setiap malam, ia tidak akan ditimpa kemiskinan selama-lamanya."*

Sekiranya anda sekarang berada di dalam keadaan terdesak, ditimpa kesusahan, memerlukan "fast-cash" untuk sesuatu perkara mustahak, maka ikutlah petua Rasulullah SAW. Hadis yang diriwayatkan oleh Huzaifah RA, apabila Rasulullah SAW mengalami kesulitan, beliau akan segera mengerjakan solat. Solat yang

dimaksudkan adalah solat sunat. Ini adalah selaras dengan firman Allah SWT di dalam surah al-Baqarah ayat 45; *"Dan mintalah pertolongan (kepada Allah) dengan jalan sabar dan mengerjakan solat; dan sesungguhnya solat itu amatlah berat kecuali kepada orang-orang yang khusyuk"*.

Riwayat lain diceritakan oleh Abdullah bin Salam RA, ketika keluarga Rasulullah SAW menghadapi sebarang kesempitan rezeki, baginda akan memerintahkan mereka mendirikan solat dan membaca ayat 132 surah Taha. Firman Allah di dalam ayat berkenaan, *"Dan perintahkanlah keluargamu serta umatmu mengerjakan sembahyang, dan hendaklah engkau tekun bersabar menunaikannya. Kami tidak meminta rezeki kepadamu, (bahkan) Kamilah yang memberi rezeki kepadamu. Dan (ingatlah) kesudahan yang baik adalah bagi orang-orang yang bertaqwa."*

Kebanyakan yang mengamalkan tip ini mendapat kemurahan rezeki yang luas dan "low profile". Mereka tidak terburu-buru dan tergesa-gesa dalam mengejar kesenangan. Kebanyakan mereka akhirnya menjadi komited dalam beribadat atau melakukan aktiviti dakwah. Mereka hanya melakukan sedikit pekerjaan dunia, namun kurnia yang diperolehi melebihi apa yang mereka kerjakan.

Sumber: <http://andy181.blogspot.com/2008/10/tip-tip-bagaimana-menjadi-jutawan.html>

Bakti Siswa Kelab HISACC Anak Yatim Darul Falah

oleh : Dr. Norasyikin Jamaludin
Dr. Shahnaz Ismail
Wan Noor Aini Wan Zahidi
Pusat Pengajian Perniagaan dan
Pengurusan Maritim

Pada 18 Januari 2014 yang lalu, Kelab Himpunan Siswa-Siswi Perakaunan (HISAAC) telah menjalankan program Bakti Siswa bersama 120 orang penghuni Asrama Anak Yatim Darul Falah, Bukit Payung, Kuala Terengganu. Program yang julung kalinya diadakan ini telah disertai oleh 50 orang pelajar Sarjana Muda Perakaunan, Pusat Pengajian Perniagaan dan Pengurusan Maritim, dengan kerjasama Pusat Pembangunan Holistik Pelajar (PPHP) dan Majlis Perwakilan Pelajar UMT.

Antara objektif program ini adalah untuk memberi pendedahan kepada mahasiswa UMT untuk melaksanakan tanggungjawab sosial selain mendekati diri mereka dengan kehidupan komuniti di luar kampus. Bersesuaian dengan slogan 'Mahasiswa Dekali Masyarakat', program ini juga adalah selaras dengan hasrat Naib Canselor UMT untuk mengembangkan aktiviti inovasi sosial.

Program yang dijalankan selama satu hari ini melibatkan aktiviti seperti gotong-royong yang lebih berfokus kepada aspek kebersihan dan keceriaan di sekitar kawasan asrama tersebut. Selain itu, untuk mengeratkan lagi hubungan di antara peserta dan penghuni asrama, aktiviti sukaneka turut diadakan.



Sebahagian anak-anak yatim Darul Falah.

Sepanjang program ini berlangsung, peserta juga tidak lupa memberikan kata-kata motivasi dan galakan kepada penghuni Asrama Anak Yatim Darul Falah agar mereka berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai apa jua matlamat yang diimpikan.

Sebelum berangkat pulang ke UMT, wakil peserta telah menyampaikan sedikit

sumbangan berupa wang tunai dan juga beberapa barang keperluan harian seperti bekalan makanan, pakaian terpakai, dan bahan ilmiah.

Pengetua Asrama Darul Falah amat berbesar hati menerima kunjungan dan sumbangan dari warga UMT dan beliau berharap program sebegini dapat diteruskan pada masa akan datang.



Antara barang-barang yang disumbangkan kepada anak-anak yatim ini.



Sebahagian anak-anak yatim Darul Falah yang diberi bantuan.

Selami Hati Anak-anak Yatim dari Bilik Kuliah Ke Hati Masyarakat

oleh : Yusrina Omar
Kelab Himpunan Siswa Siswi Perakaunan (HISAAC)

Pada 11 Januari 2014, Jabatan Pengurusan dan Pemasaran dengan kerjasama Pusat Pengajian Perniagaan dan Pengurusan Maritim telah menganjurkan lawatan ke Rumah Tunas Harapan Darul Hilmi, Seberang Takir, Terengganu. Program ini diketuai oleh Dr. Khadijah Omar dan dibantu oleh Dr. Marhana Mohamed Anuar dan Prof Madya Dr. Wan Izatul Asma Wan Talaat yang masing-masing merupakan pensyarah dari Jabatan Pengurusan dan Pemasaran. Ia juga melibatkan sebahagian pelajar Sarjana Muda Perakaunan Tahun Akhir yang mengambil kursus Pengurusan Strategik.

Rumah Tunas Harapan Darul Hilmi dihuni oleh 32 anak-anak yatim miskin di mana mereka ditempatkan dengan keluarga angkat di rumah kuarters yang disediakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Keluarga angkat tersebut dibiayai oleh JKM dalam bentuk tempat tinggal dan juga mendapat subsidi. Keluarga angkat ini juga menghantar anak-anak yatim miskin ini ke sekolah bersama anak-anak mereka.

Objektif penyertaan pelajar dalam program sosial seperti ini adalah untuk melatih pelajar supaya menjadi sebahagian daripada warga yang cakna dan prihatin kepada yang kurang bernasib baik. Di samping itu, dapat merealisasikan



Sumbangan yang diberikan sedikit sebanyak mampu meringankan bebanan keluarga angkat yang memelihara anak-anak yatim ini.

apa yang mereka pelajari dalam kuliah terutamanya mengenai tanggungjawab sosial organisasi perniagaan. Program ini terlaksana hasil dari sumbangan para pelajar dalam aktiviti jualan sempena Hari Mesra Alam serta sumbangan dari para pensyarah.

Antara aktiviti yang diadakan disana adalah sesi beramah mesra bersama penghuni Rumah Tunas Harapan Darul Hilmi, sesi penyerahan sumbangan dan fotografi serta aktiviti beriadah. Sumbangan yang telah disampaikan terdiri daripada keperluan asas seperti beras, minyak, gula dan biskut, beserta keperluan harian seperti pakaian, alat tulis dan buku. Sumbangan ini sedikit sebanyak mampu

meringankan beban keluarga angkat di Rumah Tunas Harapan Darul Hilmi dalam menguruskan kehidupan harian penghuni yang kurang bernasib baik ini.

Dengan berlangungnya program ini, diharap dapat memberi pendedahan yang positif kepada para pelajar dalam bidang perakaunan mengenai tanggungjawab sosial. Di samping itu, program ini dapat memberi peluang kepada para pelajar berkongsi kasih sayang dan keceriaan dengan penghuni Rumah Tunas Harapan Darul Hilmi yang kurang berkemampuan. Secara tidak langsung program ini dapat mengeratkan hubungan silaturrahim antara para pelajar, pensyarah-pensyarah dan masyarakat setempat.



Pelajar-pelajar HISAAC, UMT melapangkan masa bermesra dengan anak-anak yatim.

APA ITU HIV?

oleh : Nur Azima Mat Zin
Pusat Kesihatan Peljar

Human Immunodeficiency Virus (HIV) adalah virus yang memusnahkan sistem ketahanan badan seseorang dan menyebabkan Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS). Terdapat dua jenis virus HIV iaitu HIV-1 dan HIV-2. HIV-1 merupakan jangkitan yang sangat berbahaya kepada orang ramai manakala HIV-2 pula tidak begitu berbahaya. HIV menyerang sistem daya tahan badan menyebabkan badan lemah dan tidak berupaya melawan jangkitan penyakit. Jika seseorang disahkan dijangkiti HIV, orang itu dipanggil positif HIV tetapi tidak semestinya dia menghadapi AIDS kerana AIDS adalah peringkat terakhir jangkitan HIV.

Sistem daya tahan badan adalah mekanisma badan yang terdiri daripada sel darah putih. Dalam keadaan normal, sel-sel ini membantu tubuh melawan jangkitan kuman dan penyakit yang disebabkan oleh virus dan bakteria. Apabila HIV telah menyerang badan seseorang, sel-sel ini tidak lagi mampu melaksanakan tanggungjawab mereka kerana telah dimusnahkan secara perlahan-lahan oleh HIV. Ini bermaksud bahawa HIV akan turut memusnahkan kemampuan tubuh badan untuk melawan penyakit.

AIDS bukanlah satu penyakit yang tersendiri. AIDS merujuk kepada kumpulan penyakit-penyakit yang dihadapi oleh orang-orang yang positif HIV. Dengan lumpuhnya kemampuan tubuh, mereka yang dijangkiti HIV lebih mudah terdedah kepada pelbagai jenis kuman termasuklah yang tidak membahayakan manusia normal. Di antara penyakit-penyakit ini termasuklah jangkitan-jangkitan oportunistik (iaitu yang mengambil kesempatan) seperti radang paru-paru, batuk kering, *thrush* (selaput putih pada lidah dan dalam mulut), beberapa jenis barah dan beberapa jenis penyakit kulit seperti kayap.

Bagaimana HIV boleh dijangkiti?

HIV boleh dijangkiti melalui cara-cara berikut:

- Melalui perhubungan seks tidak selamat dengan mereka yang positif HIV.
- Hubungan seks anal, oral(mulut), dubur, faraj tanpa perlindungan dengan pasangan yang dijangkiti.
- Hubungan seks di mana air mazi, air mani atau darah daripada

**STOP
HIV
AIDS**



mereka yang dijangkiti masuk ke dalam badan orang lain.

- Hubungan seks tanpa menggunakan kondom lateks jika pasangan positif HIV.
- Perlakuan seks seperti bersentuhan atau onani dimana kedua-dua pihak mempunyai luka atau ruam pada kulit mereka dimana salah seorang adalah positif HIV.
- Melakukan hubungan seks tidak selamat dengan pelacur atau pondan atau berbilang pasangan yang tidak diketahui status kesihatan mereka (berisiko).
- Melalui perkongsian jarum atau bahan-bahan suntikan dengan orang yang dijangkiti.
- Mempunyai pasangan yang mengambil dadah (berisiko).
- Dari ibu ke anak semasa kehamilan, kelahiran atau menyusu badan jika si ibu adalah positif HIV.

- Tidak boleh hidup di luar badan manusia seperti di atas kulit atau pakaian, dalam air atau udara.

HIV tidak boleh dijangkiti melalui;

- Pendermaan darah kerana peralatan yang digunakan untuk mengambil darah tersebut adalah disteril dan hanya digunakan sekali sahaja.
- Proses pemindahan darah kerana pada masa sekarang, semua darah yang didermakan di Malaysia telah disaring untuk mengesan kehadiran antibodi HIV.
- Berjabat tangan, berpelukan, bersentuhan, onani dan berciuman.
- Berkongsi telefon, kolam renang, tandas awam dan berkongsi makanan.
- Menggunakan pinggan, sudu dan gelas yang digunakan oleh pesakit HIV kerana virus HIV tidak boleh hidup lama di luar tubuh manusia. Peralatan tersebut apabila dibasuh seperti biasa akan membunuh virus HIV.
- Berkongsi tempat tinggal, bekerja bersama, belajar bersama atau berkongsi tempat tidur.
- Bersin, batuk, air peluh atau air kencing.
- Gigitan serangga (termasuk gigitan nyamuk) atau binatang.
- Menjaga seseorang yang positif HIV.

Bagaimanakah HIV tidak boleh dijangkiti?

Perlu diketahui bahawa HIV;

- Tidak dapat hidup di luar tubuh manusia.
- Tidak boleh berjangkit melalui air peluh, air kencing atau air mata.
- Tidak boleh berjangkit menerusi kulit yang sihat ataupun melalui udara.

COMPUTED RADIOGRAPHY-IMAGING PLATE

oleh : Irwan Iskandar Jusoh
 Pusat Kesihatan Pelajar

Tahukah anda bahawa *Computed Radiography (CR)* adalah cara teknik pengimejan yang terbaru dalam dunia radiografi? Berbanding dengan teknik lama yang menggunakan skrin pengamat (*Intensifying Screen*) teknik telah banyak berbeza, ini kerana CR menggunakan *Imaging Plate (IP)* yang bertindak menyimpan tenaga x-ray yang terserap mengikut intensiti, semakin tinggi intensiti x-ray yang diserap di dalam *Imaging Plate* darjah kehitaman (densiti) akan bertambah.



Tenaga yang disimpan dalam *Imaging Plate* dibaca menggunakan *card reader*. Di dalam alat ini, apabila bahagian teras *plate* didedahkan kepada laser di dalam *card reader*, tenaga yang tersimpan dalam *imaging plate* akan dilepaskan dan dibaca oleh *Photomultiplier Tube (PMT)*. Tenaga yang terlepas mempunyai pelbagai intensiti dan ini akan menentukan darjah kehitaman pada imej yang dihasilkan berdasarkan pertukaran yang dilakukan oleh unit pemprosesan.

Kelebihan menggunakan *Computed Radiography (CR)* adalah seperti berikut;

- Imej dapat dipaparkan di pelbagai tempat dalam satu masa
- Dapat mengurangkan masalah penyimpanan imej
- Perolehan imej akan lebih mudah dan tidak memerlukan ramai tenaga pekerja
- Penggunaan perisian tertentu dapat mengurangkan pengulangan dilakukan dan pada masa yang sama dapat mengoptimalkan kualiti imej yang dihasilkan
- Permasalahan penggunaan bilik gelap dapat dikurangkan.

Kekurangan menggunakan sistem ini adalah;

- Tiada petunjuk yang jelas dalam pengurangan masa pemeriksaan
- Imej perlu diproses sebelum mendapat imej berbanding sistem lama
- Imaging Plate* perlu dipadam sebelum digunakan
- Imaging Plate* mahal berbanding dengan alat perakam konvensional.



Imaging Plate (IP Plate)



Kaset konvensional

Bengkel PEKERTI

Beri Pendedahan Pendidikan Seksualiti

oleh : Dr. Siti Salina Abdullah
Pusat Pengajian Pembangunan Sosial
dan Ekonomi

Seramai 50 orang pelajar Sarjana Muda Kaunseling, Pusat Pengajian Pembangunan Sosial dan Ekonomi (PPPSE) Universiti Malaysia Terengganu telah bekerjasama dengan Lembaga Pendudukan dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Negeri Terengganu bagi menjayakan Bengkel Sukarelawan Program Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial Remaja (PEKERTI). Bengkel yang berlangsung selama dua hari bermula pada 27 hingga 28 November 2013 bertempat di Prinzpark Resort Terengganu.

Bengkel ini dianjurkan bertujuan untuk melatih fasilitator dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta bagi membantu pihak LPPKN dalam memberi kesedaran mengenai kepentingan pendidikan seksualiti. Melalui bengkel ini, peserta akan bertindak sebagai sukarelawan untuk memberi kesedaran dan maklumat kepada rakan seuniversiti mengenai isu berkaitan seksualiti. Sebanyak enam slot telah dibentangkan dalam bengkel PEKERTI ini iaitu:

- Slot 1: Seksualiti; Nilai dan Tanggungjawab Seksualiti
- Slot 2: Tingkah laku yang membawa kepada risiko kehamilan, HIV/AIDS dan penyakit jangkitan seksual
- Slot 3: Sudahkan saya bersedia-Abstinen, Kemahiran Teknik Penolakan
- Slot 4: Menghindari Situasi Berisiko Tinggi
- Slot 5: Pengguguran, Pembuangan Bayi dan Rogol
- Slot 6: Kemahiran Teknik Penangguhan dan Integrasi Teknik Kemahiran

Penglibatan pelajar Sarjana Muda Kaunseling dalam bengkel ini adalah satu langkah yang tepat, di mana perkongsian maklumat yang telah mereka perolehi daripada bengkel ini dapat dijadikan sebagai panduan kepada mereka dalam meneruskan kerjaya sebagai bakal kaunselor. Bengkel ini juga telah membetulkan tanggapan sesetengah peserta bengkel mengenai pendidikan seks yang sering dilabelkan sebagai satu perkara yang negatif. Ternyata, peserta bengkel mendapat manfaat hasil daripada perkongsian ilmu yang diperolehi daripada penceramah bengkel yang terdiri daripada kakitangan LPPKN. Pihak LPPKN yang berada di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan



Peserta sedang melakukan salah satu aktiviti dalam bengkel tersebut.

Masyarakat (KPWKM) komited dalam membantu pihak kerajaan dalam membentuk golongan remaja yang sihat, *resilient* dan mengamalkan cara hidup sihat dalam kehidupan seharian. Terima kasih diucapkan kepada Pengarah LPPKN Negeri Terengganu, Puan Nurfarhana Lee

Mohd Zulkiflee yang sudi merasmikan majlis penutup bengkel berkenaan. Tidak lupa juga kepada pegawai LPPKN yang terlibat sepanjang bengkel berkenaan dijalankan. Semoga kerjasama UMT dan LPPKN akan diteruskan lagi pada masa hadapan.



Bakal kaunselor sukarelawan yang akan menyebarkan maklumat pendidikan seksualiti kepada rakan seuniversiti.

Muslim Youth Leadership Camp (MYLC) Bina Keyakinan Fizikal dan Rohani

oleh : Mohamad Nur Azshary Mohd Salleh

Pusat Islam, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah menganjurkan *Muslim Youth Leadership Camp (MYLC)* sebagai pengisian sewaktu cuti semester mahasiswa program sarjana muda. Bertempat di Kelab Adventure Camp, Raub, Pahang, program ini berlangsung selama tiga hari dua malam bermula pada 19 Januari 2014 hingga 21 Januari 2014. Antara objektif yang digarap dalam program ini adalah untuk melahirkan pemimpin-pemimpin Islam yang cenderung kepada keyakinan diri dari aspek kepimpinan di samping mendedahkan para mahasiswa terhadap kepentingan kerjasama antara satu sama lain.

Program ini melibatkan 49 orang peserta yang terdiri daripada empat sayap Pusat Islam, UMT iaitu Sahabat Masjid (SAHAM), Usrah, Kumpulan Nasyid UMT (ILHAAM) dan *Muslim Youth Volunteers (MYV)* serta wakil-wakil daripada 15 kelab di UMT. Terdapat pelbagai aktiviti yang dijalankan sepanjang program ini berlangsung antaranya adalah perdebatan berkaitan isu semasa, berakit, meredah hutan dan sungai serta pelbagai aktiviti lain.

Presiden Surau al-Irfan UMT, Saudara Muhammad Mush'ab Othman berkata, program MYLC ini bukan sahaja membentuk keyakinan mahasiswa melalui pelbagai aktiviti lasak, malahan penerapan kerohanian juga turut diutamakan. Ini



Aktiviti Water Confident yang dijalankan sepanjang program MYLC.

kerana, keyakinan yang sebenar bukan sahaja dari aspek fizikal tetapi juga dari aspek kerohanian. Saudara Muhammad Mush'ab Othman turut menambah,

program MYLC seharusnya menjadi contoh kepada organisasi lain yang ingin membuat program-program kepimpinan di masa akan datang.



Program MYLC bukan sekadar membina keyakinan dari aspek fizikal, malah juga dari aspek kerohanian.



Berakit merupakan antara aktiviti yang dijalankan sepanjang program berlangsung.

“Business Plan” dan “Show & Respond” Pelajar UMT Menang Tempat Ke-3

oleh : Nor Ismadi Izhan Ismail
Pusat Pembangunan Alumni dan
Keusahawanan

Pusat Pembangunan Alumni dan Keusahawanan (CADE) telah menyertai Program “Business Plan” dan “Show & Respond” Produk Penyelidikan ke arah Pengkomersialan 2014 yang telah diadakan pada 21 hingga 26 Januari 2014 bertempat di Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP). Pelajar UMT telah berjaya memenangi tempat ke-3 melalui projek penyelidikan berjudul; *Hi-Boxes* dan membawa hadiah kemenangan wang tunai bernilai RM1,500.00. Kumpulan penyelidikan ini dihasilkan oleh Saudari Farha Asyireen Abdul Razak (SM Pemuliharaan dan Pengurusan Biodiversiti), Saudari Nur Inna Izwani Sazali (SM Sains Kimia), Saudara Masrudin Md Yusoff (SM Sains Kimia Analisis dan Persekitaran).

Selain itu, projek penyelidikan berjudul; *E-Attendance Tracker* telah memenangi hadiah saguhati dan membawa pulang hadiah bernilai



RM300.00. Penyelidikan ini dihasilkan oleh Saudari Tuan Nur Laila Nadhirah Tuan Yusmani (SM Pemasaran). Pengurus Besar UMT Jaya Holdings Sdn.

Bhd., Dr. Mustafa Man telah bertindak sebagai penasihat. Tahniah diucapkan atas kemenangan tersebut.



Sg. Ninggiri Medan Ujian Kepimpinan Pelajar UMT

oleh : Mohd Salleh Bain
Pusat Pembangunan Holistik Pelajar

Kepimpinan pelajar sentiasa mendapat tempat oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan pucuk kepimpinan negara. Graduan diharapkan akan menjadi golongan pelapis pimpinan masa hadapan. Sebab itulah, pemimpin pelajar perlu mempunyai nilai tambah kepimpinan dalam diri selain segulung ijazah yang bakal mereka perolehi semasa bergraduan nanti.

Bagi mencapai hasrat melahirkan pemimpin pelajar yang boleh berdaya saing, pihak Pusat Pembangunan Holistik Pelajar UMT telah menganjurkan Kursus Tata Cara Kepimpinan Mahasiswa UMT di Sg. Ninggiri, Gua Musang, Kelantan pada 17 hingga 20 Januari 2014. Program ini dirangka dalam usaha mengenalpasti pelajar yang berpotensi dalam menggerakkan aktiviti dan program-program pelajar.

Sikap saling bekerjasama dan kesepakatan amat diperlukan bagi mereka mengharungi Sg. Ninggiri dengan berakit dari Kuala Betis ke Gua Cha. Mereka bermalam di Gua Cha sebelum meneruskan perjalanan ke Gua Pulat. Para pemimpin pelajar ini terpaksa mengharungi jeram yang



Peserta melakukan senaman sebelum memulakan aktiviti berakit.

berliku menggunakan rakit yang mereka bina sendiri. Segala aktiviti yang dilalui memerlukan daya tahan mental dan juga fizikal. Turut serta dalam program ini termasuklah barisan kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UMT 2013/2014 serta ahli jawatankuasa kelab-kelab pelajar di UMT. Penyertaan mereka turut

diiringi oleh pegawai pengiring daripada Pusat Pembangunan Holistik Pelajar.

Semoga penganjuran kursus sebegini dapat membantu memperkasa semangat juang dalam kalangan pimpinan pelajar UMT supaya lebih kental dalam menjalankan amanah mereka yang telah dipilih sebagai pemimpin.



Kreatif...setiap kumpulan peserta perlu membina rakit masing-masing.



Saat mencabar...peserta perlu menggunakan kemahiran mengendalikan rakit ketika melalui kawasan jeram.



Terapung atas permukaan air antara aktiviti yang perlu dilalui oleh semua peserta kursus.



Barisan kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar UMT 2013/2014 yang turut sama mengharungi Sg. Ninggiri.

Sehari Bersama BSA

oleh : Roshahrul Affenddeey Mahadi
Pusat Jaringan Penyelidikan ECER

Besut Setiu Agropolitan (BSA) adalah sebuah projek pembangunan bersepadu luar bandar bagi membasmi kemiskinan dalam kalangan penduduk setempat. Sehingga kini, seramai 94 buah keluarga telah menduduki penempatan di Kg. Panchur Bederu dengan jumlah keseluruhan peserta, pasangan dan anak-anak seramai 476 orang.

Program Sehari Bersama Besut Setiu Agropolitan telah dijalankan pada 24 Disember 2013 di Kg. Panchur Bederu, Setiu, Terengganu. Program anjuran Pusat Jaringan Penyelidikan ECER ini telah dirasmikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Perusahaan, Perladangan dan Komoditi Negeri Terengganu, YB Haji Nawī Mohamad. Turut hadir ialah Naib Canselor UMT, Profesor Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Komoo, Pengurus Besar Felda Wilayah Terengganu dan Pengurus Besar East Coast Economic Region Development Council (ECERDC) bagi menjayakan lagi program tersebut.

Program ini disertai oleh 40 orang kakitangan dan penuntut UMT yang terdiri



YB Haji Nawī bin Mohamad menerima cenderamata dari Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Komoo.

daripada sukarelawan siswazah dari dalam dan luar negara. Program yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk menjalinkan hubungan silaturrahim dan mewujudkan kerjasama yang lebih erat antara UMT dan warga BSA. Selain itu, Pejabat Kesihatan Daerah Setiu juga turut sama menjayakan program tersebut dengan menawarkan pemeriksaan kesihatan kepada peserta BSA.

Antara aktiviti yang telah dijalankan semasa program ini berlangsung adalah gotong-royong, sukaneka, pameran penyelidikan UMT, pameran UCTC dan



Pemeriksaan kesihatan peserta BSA oleh Pejabat Kesihatan Daerah Setiu.

pertandingan memasak berasaskan kambing dikalangan isi rumah peserta BSA. Program yang dijalankan ini adalah untuk memperkenalkan UMT kepada komuniti BSA secara lebih dekat lagi dan memudahkan pihak UMT melaksanakan program untuk komuniti BSA. Antara program yang bakal dilaksanakan oleh UMT selepas ini ialah program motivasi untuk peserta dan program SINAR bagi membantu meningkatkan pendidikan anak-anak peserta yang akan diadakan secara berkala dalam bentuk modul dan latihan.



Pertandingan memasak masakan berasaskan kambing.



Pertandingan tarik tali merupakan acara yang paling mencuri tumpuan.



Pertandingan terompah gergasi memeriahkan lagi suasana program sehari bersama BSA.



Pelajar cemerlang UPSR menerima sijil simpanan SSPN.



Sukarelawan siswazah yang turut serta dalam Program Sehari bersama BSA.



Sukarelawan siswazah sedang mengemas sebahagian pre-loved item sumbangan dari warga UMT.

Pasukan Bola Sepak Pantai UMT Raih Pingat Gangsa



Pasukan bola sepak pantai UMT bergambar bersama jurulatih pasukan.

oleh : Rabil Sitta Abdul Rahman
Penerbit UMT

Pasukan bola sepak pantai UMT telah menyertai Karnival Sukan Pantai Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) 2013 yang telah dianjurkan pada 18 hingga 20 Januari 2014. Karnival ini telah diadakan di Pantai Air Tawar, Besut, Terengganu dan disertai oleh lebih 500 orang atlet daripada 16 IPTA di seluruh Malaysia. Acara yang dipertandingkan termasuklah bola sepak pantai, bola jaring pantai, sepak takraw pantai, bola tampar pantai dan acara memancing.

Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah dipilih sebagai tuan rumah sambutan. Menurut Pengarah Pusat Sukan UniSZA, En. Riduan Mohamed Arof, karnival yang pada awalnya dijadualkan berlangsung pada bulan Disember 2013 telah ditunda ke bulan Januari 2014 berikutan banjir yang melanda kawasan Pantai Timur.

Pasukan bola sepak pantai UMT telah mendapat tempat ke-3 dalam Karnival Sukan Pantai MASUM ini dan membawa pulang pingat gangsa. Penganjuran sukan untuk pelajar-pelajar universiti ini merupakan sebahagian



Kontinjen UMT menerima cenderamata penyertaan.

daripada landasan kepada para atlet untuk menyumbang kepada pembangunan sukan negara.

Selain itu, penganjuran sukan ini juga membuka ruang kepada pelajar universiti

untuk bergaul dan beramah mesra dengan komuniti setempat dalam pertandingan memancing yang turut disertai oleh penduduk tempatan.

Informasi

Beli sekarang di:
Penerbit UMT,
Universiti Malaysia Terengganu,
21030 Kuala Terengganu, Terengganu.
Telefon: 09-6684454/4165 | Faks: 09-6684168 | E-mel: penerbitumt@umt.edu.my

Tempahan atas talian:
<http://bookstore.umt.edu.my>
<http://penerbit.umt.edu.my>

Buy now at:
Penerbit UMT,
Universiti Malaysia Terengganu,
21030 Kuala Terengganu, Terengganu.
Telephone: 09-6684454/4165 | Fax: 09-6684168 | E-mail: penerbitumt@umt.edu.my

Online order:
<http://bookstore.umt.edu.my>
<http://penerbit.umt.edu.my>



TERKINI
DI PASARAN



Keropok Lekor TERENGGANU

RM167

Pengarang : Noraien Mansor
Tahun Terbit : 2013
Terbitan : Penerbit UMT
Harga : RM167.00

*Anda penggemar keropok lekor?
Tahukah anda bagaimana ia diproses dan dihasilkan?
Tahukah anda keropok lekor sudah berada di kota London?
Sejauh manakah penyelidikan berkaitan keropok lekor dilaksanakan
oleh Universiti Malaysia Terengganu?
Adakah kita mahu warisan tradisi kita lenyap ditelan zaman?*

Noraien Mansor mendokumentasikan warisan kebanggaan masyarakat negeri Terengganu dan mengupas industri keropok lekor di Terengganu melalui buku "Keropok Lekor Terengganu".

Let's Talk basic talk
Pengarang: Noraien Mansor
Tahun: 2013
ISBN: 978-967-0524-36-8

LET'S TALK basic talk



Noraien Mansor